

From: Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah
Sent: Sunday, 20 August, 2017 12:26 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: HARI KELUARGA DAN SAMBUTAN AIDILFITRI PUSAT PENGAJIAN BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH (SLCP) 2017



PUSAT PENGAJIAN
BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH
SCHOOL OF LANGUAGES, CIVILISATION & PHILOSOPHY
Universiti Utara Malaysia

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,



SLCP Online: Jawatankuasa Kebajikan dan Rekreasi, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) telah menganjurkan Program Hari Keluarga dan Jamuan Hari Raya Aidil Fitri pada 22 Julai 2017 bersamaan 28 Syawal 1438, bertempat di Kem Paya Pahlawan, Jitra Kedah.

Seramai 281 orang tetamu yang hadir, terdiri daripada warga SLCP dan ahli keluarga masing-masing. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Kamarudin bin Ahmad, Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP).

Selain aktiviti sukaneka, program ini turut diserikan dengan persembahan badut untuk anak-anak staf.

Sebelum menjamu selera, program diteruskan dengan majlis penyampaian hadiah kepada semua pemenang aktiviti sukaneka, diselang - seli dengan hadiah cabutan bertuah kepada warga SLCP dan penyampaian hadiah kepada staf yang mendapat anak.

Setelah majlis penyampaian hadiah selesai, para tetamu yang hadir dijemput untuk menikmati pelbagai juadah sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri. Antara juadah yang disediakan ialah kambing golek, nasi beriani, laksa, laksam, ketupat, pencuci mulut, ais krim dan pelbagai juadah yang lazat lagi telah disediakan.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

PUSAT PENGAJIAN BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH (SLCP)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 049285701/5703/5706/5584
FAKS: 049285709/5616



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.